

09 SEP 2000

Mahathir-Isa

PERCUTIAN SESEORANG SATU PERKARA BIASA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak "dengar" apa-apa mengenai spekulasi perletakan jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Perdana Menteri berkata, langkah Mohd Isa untuk pergi bercuti selama dua minggu adalah satu perkara biasa bagi sesiapa sahaja.

"Orang akan pergi bercuti, sayapun pergi bercuti selama dua bulan seperti yang anda tahu dan saya serahkan tugas saya kepada timbalan saya," katanya kepada pemberita bila ditanya mengenai spekulasi berhubung peletakan jawatan Mohd Isa.

"Saya tak dengar apa-apapun, anda (pemberita) tahu sesuatu yang saya tidak tahu, beritahulah," katanya selepas merasmikan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Bhd. berharga RM64.9 juta yang digelar KUM.com, di sini.

Ditanya mengenai dakwaan Menteri Besar Terengganu Haji Abdul Hadi Awang kononya wang royalti petroleum kerajaan persekutuan kepada kerajaan Terengganu yang digantikan dengan bantuan "ihsan" dianggap sandiwara, Dr Mahathir tersenyum dan berkata: "semuannya sandiwara."

"Saya datang ke sini (perasmian bangunan baru KUB Sdn Bhd) sebagai pelakon, malam tadi (merasmikan E-village) juga sandiwara, saya mepengerusikan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) juga sandiwara.

"Sebelum ini pemberian wang kepada kerajaan Terengganu juga sandiwara tetapi kini kita sudah hentikan sandiwara itu dan tidak beri lagi wang itu (kepada kerajaan Terengganu).

Dr Mahathir berkata sebenarnya wang hasil petroleum itu adalah ihsan, tak ada royalti.

"Jangan buat silap (antara ihsan dan royalti)," tambahnya.

--BERNAMA

ARA HS PR